

Publication	Sinar Harian	Section/Page No.	Laporan Khas/Pg.N15
Date	Sunday, 26th September 2010	Lead Article	No
Headline	Pelanggan Ragu-Ragu Ketelusan Pengusaha: Fomca		

Pelanggan ragu-ragu ketelusan pengusaha: Fomca

SETIAUSAHA Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (Fomca), Muhammad Sha'ani Abdullah berkata, pihak pengurusan yang menyediakan perkhidmatan servis kereta sering menghadapi masalah ketelusan dan keyakinan daripada pelanggan.

Beliau berkata, dari



MUHAMMAD
SHA'ANI

sudut kualiti kerja dan ketulenan alat ganti sering menjadi persoalan. Ini termasuklah bengkel pengeluaran kereta di mana mereka turut menghadapi masalah dari sudut servis dan sambutan pelanggan.

"Pihak insurans perlu memastikan alat ganti yang digunakan oleh pihak bengkel yang bekerjasama dengan

mereka tidak menggunakan alat gantian tiruan kerana ia boleh membahayakan pengguna.

"Kerajaan atau badan tertentu juga perlu memastikan tiada penyelewengan, terutama dari sudut tuntutan yang dilakukan pihak insurans. Terdapat juga pihak insurans yang tidak profesional dalam melakukan kerja dan tidak mematuhi peraturan sepatutnya," katanya